

Perpaduan penting untuk maju

BH 27 MAR 2001

KUALA LUMPUR, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, perpaduan harus dikekalkan bagi membolehkan negara bergerak lebih maju untuk mencapai wawasannya.

“Sebaliknya, jangan pula ada pihak yang cuba memusnahkan perpaduan kita kerana tindakan seperti itu hanya akan membawa kepada kelemahan dan

kemunduran,” katanya dalam perutusan pada buku cenderamata sempena perhimpunan sambutan Maal Hijrah 1422H peringkat kebangsaan yang dilancarkan di Stadium Putra, Bukit Jalil, dekat sini, hari ini.

Perdana Menteri turut mengajak umat Islam untuk sama-sama meningkatkan perpaduan sempena Maal Hijrah semoga

menjadi umat yang bersatu padu dan terus maju.

“Kita di Malaysia hari ini berjaya mencapai kejayaan demi kejayaan. Dengan izin Allah kita membangun dengan pesat seperti apa yang kita saksikan hari ini. Ini hasil usaha kita di samping berkat perpaduan rakyat yang kita pupuk,” katanya.

Beliau berkata, perkara yang lebih penting dalam

sambutan Maal Hijrah ialah kesediaan umat Islam mengambil iktibar dan pengajaran daripada peristiwa besar itu.

Beliau berkata, sejajar dengan tema sambutan tahun ini – ‘Perpaduan pemangkin pembangunan ummah’, salah satu aspek yang boleh dijadikan pengajaran ialah perpaduan ummah.

Dr Mahathir berkata, dalam peristiwa hijrah,

Nabi Muhammad SAW apabila tiba di Madinah, terus menyatukan seluruh penduduk bandar itu.

“Penduduk Madinah pada masa itu bukan saja terdiri daripada kalangan orang Islam Muhajirin dan Ansar, malah meliputi kaum bukan Islam. Selepas ikatan perpaduan dijalin, umat Islam membina kekuatan dan akhirnya Islam tersebar ke seluruh dunia,” katanya.